

Pecat Samy: PM punyai pendirian berbeza

Oleh ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 18 Okt.-Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau mempunyai pendirian yang berbeza dengan ahli-ahli Parlimen yang mahu memecat Datuk Seri S. Samy Vellu dari jawatan Menteri Kerja Raya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, beliau hanya akan mengumumkan pendiriannya itu bila tiba masa yang sesuai memandangkan kuasa penuh berada di tangannya untuk menentukan nasib menteri-menteri Kabinet.


"Memang betullah tu (hanya Perdana Menteri berkuasa pecat menteri), tak payah komen pun tidak apa.

Itu (usul untuk memecat Samy) merupakan pandangan ahli Parlimen, pandangan saya lain dan kalau pandangan saya, pandangan saya lah, nantilah (saya umumkan) sebab hak dan kuasa saya punya," katanya.

Beliau yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri bercakap kepada pemberita selepas majlis perhimpunan bulanan kakitangan kementerian berkenaan, di sini hari ini.

Semalam, Samy menegaskan bahawa hanya Perdana Menteri sahaja berhak memecatnya jika didapatinya tidak memiliki prestasi baik dan tidak layak lagi menjadi menteri.

Minggu lalu, beberapa ahli Parlimen menimbulkan kontroversi dengan membuat usul memecat



ABDULLAH Ahmad Badawi berjabat tangan dengan para pegawai kanan polis selepas merasmikan majlis perhimpunan bulanan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di Putrajaya, semalam. — Gambar AZMAN GHANI

Samy berikutan beberapa projek yang dilaksanakan di bawah kementerianya mengalami masalah demi masalah.

Ia bermula dengan keretakan pada 31 daripada 33 tiang jejambat Jalan Lingkaran Tengah 2 Keping dan diikuti dengan kejadian hospital berkulat di Johor Bahru.

Selain itu, struktur jalan yang tidak berkualiti

di Lebuhraya Pantai Timur turut dibangkitkan.

Terbaru ialah kejadian tanah runtuh di Projek Lebuhraya Utara Selatan berhampiran Gua Tempurung.

Menurut Perdana Menteri, beliau menjangka Samy akan memberikan laporan penuh berkenaan masalah projek-projek di bawah Kementerian Kerja Raya tepat pada masa

yang ditetapkan iaitu esok.

"Saya baca akhbar hari ini, dia kata dia sudah sedia nak beri kepada saya, jadi tidak lama lagi saya akan dapatlah panggilan telefon darinya," ujar beliau.

Mengenai kenyataan Samy bahawa laporan itu akan diumumkannya jika Perdana Menteri memberikan kebenaran, Ab-

dullah berkata, beliau perlu melihat dulu laporan tersebut.

"Saya kena tengok, saya tidak akan membuat kenyataan pada waktu ini jadi kita akan tengok dulu apa dia.

"Tapi dalam hal ini, kalau Datuk Samy kata boleh dihebahkan kepada orang awam, kita akan hebahkan," kata Perdana Menteri.